



NAMA:

KELAS:

MODUL PINTAS
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5
Kertas 1

3756/1

 $1\frac{1}{4}$ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas Soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

- 1 Maklumat berikut berkaitan subbidang perakaunan.

Meliputi kerja memeriksa dokumen perniagaan dan rekod kewangan untuk mengesahkan rekod maklumat perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kewangan
- D Perakaunan Pengurusan

- 2 Di Mesir, pada tahun 400 SM, rekod perakaunan telah dibuat dengan menggunakan X dan Y.

Apakah X dan Y?

- I Kain
- II Calamus
- III Papyrus
- IV Kepingan tanah liat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 3 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Aidil.

Perniagaan Aidil telah merekodkan kadar bayaran RM650 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk kadar bayaran yang belum dijelaskan sebanyak RM100.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Wang sebagai ukuran
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 4 Manakah ciri yang betul bagi Kedai Dobi Ainul dan Kasih?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Pemilik merupakan pemegang syer
 - C Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen
 - D Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan
- 5 Apakah hasil operasi bagi Kedai Alatan Pejabat Hasnul?
- A Untung jualan van terpakai
 - B Jualan mesin pencetak
 - C Dividen pelaburan
 - D Sewa diterima
- 6 Urus niaga yang manakah akan menambahkan ekuiti pemilik?
- I Van peribadi RM12 000 dibawa masuk ke dalam perniagaan
 - II Mengambil tunai RM300 untuk bayaran yuran sekolah anak
 - III Mengeluarkan tunai dari bank RM2 000 untuk kegunaan perniagaan
 - IV Barang niaga berkos RM600 dijual secara tunai dengan harga RM750
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Manakah yang merupakan catatan kontra?
- A Ambilan
 - B Pinjaman
 - C Inventori akhir
 - D Akaun Belum Terima

- 8 Maklumat berikut merupakan ciri suatu dokumen.

Dihantar untuk memberitahu pembeli bahawa baki hutangnya telah berkurang.

Apakah dokumen tersebut?

- A Memo
- B Nota debit
- C Nota kredit
- D Makluman kredit

- 9 Antara berikut yang manakah buku catatan pertama?
- I Jurnal penerimaan tunai
 - II Buku tunai runcit
 - III Lejar subsidiari
 - IV Lejar am
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 10 Maklumat manakah yang dicatatkan di lajur butir dalam Jurnal Jualan?
- A Nama pemilik
 - B Nama barang niaga
 - C Nama Akaun Belum Bayar
 - D Nama Akaun Belum Terima
- 11 Dokumen berikut diterima oleh Sufi Home Decoration.

MAKLUMAN KREDIT	
MAYBANK BERHAD	
Jalan Tun Ismail	
Kuantan Pahang	
Kepada:	
Sufi Home Decoration	Tarikh: 15 Mei 2025
No.5, Jalan Damai 1	
Taman Makmur, Kuantan	No.Akaun: 541175332211
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:	
BUTIR	JUMLAH (RM)
Pindahan kredit daripada Butik Anggun Couture	RM950.00
Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Lima Puluh Sahaja	
<i>Khalish</i> Pengurus	

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A Debit lajur tunai RM950
- B Debit lajur bank RM950
- C Kredit lajur tunai RM950
- D Kredit lajur bank RM950

12 Berikut ialah Buku Tunai Runcit Syarikat Farabi Berhad.

Tarikh	Butir	Penerimaan (Debit)	Pembayaran (Kredit)	Analisis Bayaran	
				Alat tulis	Belanja Pejabat
2025		RM	RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b	35			
	Bank	145			
5	Pen dan pensil		15	15	
11	Pewangi		38		38
20	Upah cuci		75		75
25	Sampul surat		24	24	
		180	P	39	113
30	Baki h/b		Q		

Hitung nilai Q.

- A RM28
- B RM35
- C RM145
- D RM152

13 Antara berikut, yang manakah merupakan Akaun Nominal?

- A Akaun Belian, Akaun Alat Tulis, Akaun Dividen dan Akaun Belanja Am
- B Akaun Jualan, Akaun Perabot, Akaun Sewa Diterima dan Akaun Derma
- C Akaun Kenderaan, Akaun Kadar Bayaran, Akaun Gaji dan Akaun Lengkapan
- D Akaun Belum Bayar, Akaun Premis, Akaun Alatan Pejabat dan Akaun Hutang Lapuk

- 14 Urus niaga berikut diambil daripada Dahlia Cafe.

Pemilik mengambil tunai perniagaan untuk didermakan kepada rumah kebajikan.

Catatan manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Tunai
B	Tunai	Ambilan
C	Derma	Tunai
D	Tunai	Derma

- 15 Maklumat berikut adalah Akaun Kawalan Belum Terima Kedai Buku Femes.

Akaun Kawalan Belum Terima

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2025 Mac 1	Baki b/b	1 270	2025 Mac 31	Pulangan jualan	240
				Bank	8 000
				Diskaun diberi	330

Berapakah baki pada 1 April 2025 jika jualan kredit berjumlah RM8 200?

- A Debit RM900
- B Kredit RM900
- C Debit RM15 500
- D Kredit RM15 500

- 16 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Rambo Trading pada 30 September 2024.

Imbangan Duga pada 30 September 2024		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	45 000	
Belian	29 500	
Jualan		67 900
M		310

Apakah M?

- A Ambilan
 - B Sewa belum terima
 - C Susut nilai kenderaan
 - D Peruntukan hutang ragu
- 17 Berikut ialah perbualan antara Encik Basyar dan pekerjaanya, Amir Hamzah.

Amir Hamzah : Boss, saya dapati nilai inventori akhir pada tahun ini rendah.
Encik Basyar : Kalau begitu, ini akan memberi kesan kepada perniagaan kita.

Apakah kesan yang dimaksudkan oleh Encik Basyar?

- A Kos jualan tinggi
 - B Kos jualan rendah
 - C Kos barang untuk dijual tinggi
 - D Kos barang untuk dijual rendah
- 18 Butiran manakah yang akan dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belian
- B Angkutan masuk
- C Angkutan keluar
- D Insurans atas belian

19 Berikut ialah Akaun Perdagangan Twin Enterprise bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024				
	RM	RM		RM
Inventori awal		4 200	Jualan	54 600
Belian	38 500		(-) Pulangan jualan	(870)
(-) Pulangan belian	(770)			<u>53 730</u>
	<u>P</u>			
Duti import	630	Q		
		<u>R</u>		
Inventori akhir		(3 550)		
		<u>S</u>		

Berapakah kos barang untuk dijual?

- A RM37 730
- B RM38 360
- C RM39 010
- D RM42 560

20 Berikut ialah lejar yang diperolehi daripada Restoran Selera Singgang.

Akaun Sewa diterima			
2024		2024	
Dis 31	M	Dis 31	N
	3 000		3 000
	<u>3 000</u>		<u>3 000</u>

Apakah M dan N?

	M	N
A	Bank	Akaun Perdagangan
B	Akaun Untung Rugi	Bank
C	Bank	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Perdagangan	Bank

- 21 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Rumbia Trading.

	1 April 2024	31 Mac 2025
Utiliti prabayar	600	
Utiliti belum bayar		400

Sepanjang tempoh perakaunan, perniagaan telah membayar utiliti sebanyak RM2 500. Berapakah jumlah utiliti yang dipindahkan ke Akaun Untung Rugi?

- A RM1 500
 B RM2 300
 C RM2 700
 D RM3 500
- 22 Berikut ialah petikan Imbangan Duga R&Z Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2025

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	15 000	
Hutang lapuk	1 430	
Peruntukan hutang ragu		380

Maklumat tambahan:

- (i) Hutang seorang pelanggan yang mufliis sebanyak RM650 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
 (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Apakah kesan terhadap untung bersih perniagaan?

- A Untung bersih berkurang RM93
 B Untung bersih bertambah RM93
 C Untung bersih berkurang RM557
 D Untung bersih bertambah RM557

- 23 Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada Syarikat Buku Pintar.

Sebuah kenderaan telah dibeli pada 31 Oktober 2023 dengan harga RM60 000. Kenderaan telah disusutnilaikan 10% setahun atas kos. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Hitung susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Mac 2025.

- A RM6 000
- B RM8 500
- C RM9 000
- D RM12 000

- 24 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Sos Cili Pedas.

Bayaran komisen sebanyak RM250 terlupa dicatat dalam mana-mana buku.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan amaun
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan ketinggalan

- 25 Purata jangka masa yang diambil oleh pelanggan untuk membayar hutangnya merujuk kepada

- A Nisbah semasa
- B Pulangan atas modal
- C Tempoh kutipan hutang
- D Tempoh pembayaran hutang


- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Hafiz Enterprise yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 September 2024	31 Ogos 2025
Kenderaan	10 000	8 000
Inventori	6 000	5 200
Bank	18 000	20 000
Akaun Belum Terima	4 200	3 700
Akaun Belum Bayar	2 800	4 100

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM2 600
- B Untung RM1 000
- C Rugi RM2 600
- D Rugi RM1 000

- 27 Maklumat berikut berkaitan analisis maklumat Buku Tunai



Apakah Y?

- A Pulangan barang niaga
- B Ambilan barang
- C Jualan tunai
- D Belian kredit

- 28 Apakah tujuan sistem kawalan tunai?

- A Meminimumkan belanja perniagaan
- B Memperoleh jualan yang maksimum
- C Menyimpan tunai yang banyak di tangan
- D Memastikan aliran tunai yang mencukupi

29 Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank SJ Deco Home pada 31 Julai 2025.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2025	
	RM
X	(2 000)
+ Deposit belum dikreditkan :	
Sarah	3 000
	1 000
- Cek belum dikemukakan :	
Mira	800
Y	
	200

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
B	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai

30 Berikut adalah maklumat belanjawan tunai Hawaii Studio.

Belanjawan Tunai(petikan)

Butiran	Jan	Feb
	RM	RM
Baki awal	3100	
Jumlah penerimaan	15 680	13 350
Jumlah pembayaran	5 200	4 900
Lebihan/kurangan	X	
Baki akhir		

Manakah yang betul berkaitan X?

- A Lebihan RM10 480
- B Lebihan RM13 580
- C Kurangan RM10 480
- D Kurangan RM13 580

31 Pernyataan manakah yang benar mengenai kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?

- A Untung atau rugi dibahagi sama rata
- B Faedah dibayar atas modal pekongsi
- C Faedah 6% setahun atas pinjaman pekongsi
- D Gaji dibayar kepada pekongsi yang menguruskan perkongsian

32 Maklumat di bawah diperolehi daripada Perkongsian Magic dan Boo pada 30 Jun 2025.

	RM
Untung bersih	6 000
Faedah atas modal	1 200
Faedah atas ambilan	300

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi jika untung atau rugi dibahagikan sama rata?

- A RM2 250
- B RM2 550
- C RM3 450
- D RM3 750

33 Baki akaun modal dan akaun semasa diperolehi daripada buku Perkongsian Aleza pada 31 Julai 2025 seperti berikut:

Pekongsi	Akaun Modal (RM)	Akaun Semasa (RM)
Aleya	40 000	15 500
Syaza	30 000	6 429 (debit)

Berapakah jumlah ekuiti pemilik Perniagaan Aleza?

- A RM9 071
- B RM60 929
- C RM70 000
- D RM79 071

- 34 Syarikat Dhia Berhad telah menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1.00 sesyer dan 100 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM300 000
- B RM316 000
- C RM400 000
- D RM500 000

- 35 Modal diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat Mimi Berhad terdiri daripada 200 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa RM1.00 sesyer. Syarikat telah memperuntukkan RM100 000 keuntungan untuk pembayaran dividen.

Berapakah jumlah dividen yang akan diperoleh oleh pemegang Syer Biasa?

- A RM12 000
- B RM24 000
- C RM76 000
- D RM88 000

- 36 Apakah yang dimaksudkan dengan yuran belum terima awal?

- A Yuran tahun hadapan yang belum diterima
- B Yuran tahun semasa yang belum diterima
- C Yuran tahun hadapan yang diterima awal
- D Yuran tahun lepas yang belum diterima

- 37 Kelab Petanque Beserah telah menerima derma untuk membina gelanggang petanque.

Apakah kesan urus niaga tersebut?

- A Menambahkan pendapatan hasil
- B Mengurangkan pendapatan hasil
- C Menambahkan pendapatan modal
- D Mengurangkan pendapatan modal

- 38 Rumus berikut berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran.

$\text{Kos Pengeluaran} = X + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja dalam Proses Awal} - \text{Kerja dalam Proses Akhir}$
--

Apakah X?

- A Kos Tetap
 - B Kos Prima
 - C Kos Buruh
 - D Kos Bahan
- 39 Butir yang manakah tidak dicatat dalam Akaun Pengeluaran?
- A Kadar bayaran kilang
 - B Kerja dalam proses akhir
 - C Pulangan jualan barang siap
 - D Inventori akhir bahan langsung
- 40 Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos pada dua tingkat pengeluaran bagi perniagaan Kilang Roti Enak.

Jumlah pengeluaran (unit)	0	10 000	20 000
Jumlah kos (RM)	8 000	26 000	44 000

Pilih pernyataan yang betul.

- I Kos berubah seunit ialah RM2.60
 - II Jumlah kos tidak dipengaruhi oleh tingkat pengeluaran
 - III Jumlah kos terdiri daripada kos tetap dan kos berubah
 - IV Kos tetap bagi setiap tingkat pengeluaran ialah RM8 000
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT